

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 JULAI 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI peruntuk R&D RM50juta	Harian Metro
2	Angin kencang kesan fenomena Taufan Limfa	Kosmo
3	Ribut, ombak besar beberapa negeri berterusan sehingga rabu	Berita Harian
4	Ribut terbangkan bayi tempias Limfa	Utusan Malaysia
5	Beefing up R&D to benefit the B40	New Straits Times

Debris may have little value

Tonnes of logs stuck at Ranau river either too small or rotting

KOTA KINABALU: Tonnes of timber debris washed down the slopes of Mount Kinabalu by a mudslide are likely to have very little commercial value.

Sabah Forestry Department director Datuk Sam Mannan said his officers would, however, be inspecting the debris once all were removed from Sungai Liwagu at the Ranau water treatment intake point.

"From photos we have seen, most of the debris comprise branches and trees with small trunks," he said.

Mannan said the slightly larger logs appeared not to have any bark, indicating they had been felled a long time ago for land clearing and were likely to be rotting.

He said video clips of the mudslides on June 15 also showed trees along riverbanks at Mesilau being swept into Sungai Liwagu.

Ranau district officer Faimin Kamin said the timber debris which were moved to the disused air field would be made available to handicraft makers.

However, the debris would first be analysed by Science, Technology and Innovation Ministry and Forestry Department officials.

Ranau Water Department engi-



Work in progress: An excavator being used to clear the timber debris in Sungai Liwagu where the Ranau water treatment intake point is located.

neer Anthony Jullah said the 130m debris pile would take another two weeks to clear as the amount was larger than initially anticipated.

He said they thought the debris was only on the surface of the river

but the clean-up work showed that it was about 7m deep.

Anthony said the prevailing good weather in Ranau had enabled the debris clearing work to proceed smoothly.

The blockages on both water intake points came about a week after the quake that hit Mount Kinabalu after heavy rains on June 14 brought loosened soil and boulders down the mountain.

MOSTI peruntuk R&D RM50 juta

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bakal memperuntukkan kira-kira RM50 juta untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) membabitkan keselamatan siber di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, wang berkenaan adalah sebahagian daripada RM240 juta hingga RM270 juta peruntukan tahunan yang diterima pihak MOSTI bagi kegunaan R&D.

"Inisiatif ini bermatlamat untuk meningkatkan tahap

keselamatan siber kerana jenayah dalam sektor ini dilihat semakin menjadi serius," katanya pada sidang media selepas majlis prapelancon Pameran, Persidangan dan Anugerah Cyber Security Malaysia (CSM-ACE) 2015, di sini.

Beliau berkata, sehingga Mei lalu, angka yang dicatat membabitkan jenayah siber adalah sebanyak 4,581 kes iaitu peningkatan sebanyak 11.27 peratus berbanding 4,117 kes pada tempoh sama tahun lalu.

"Memandangkan dunia siber kian menjadi keperluan kepada masyarakat



DR Abu Bakar (tiga dari kanan) pada majlis prapelancon Pameran, Persidangan dan Anugerah Cyber Security Malaysia (CSM-ACE) 2015.

Malaysia mahupun antara-bangsa, kami menyasarkan angka terbabit akan berada pada paras yang hampir sa-

ma menjelang akhir tahun ini.

"Namun begitu, kami menjangkakan terdapat pe-

nurunan dalam insiden siber sebanyak 50 peratus dalam tempoh tiga tahun dari sekarang," katanya.

Angin kencang kesan fenomena Taufan Linfa

KUALA LUMPUR - Jabatan Meteorologi meramalkan beberapa lagi kawasan di pantai barat Sabah, pantai timur dan utara Semenanjung berkemungkinan berdepan satu lagi fenomena angin kencang dalam masa dua atau tiga hari lagi.

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, fenomena angin kencang yang melanda beberapa kawasan di negara ini kelmarin berpunca daripada pembentukan ribut tropika dikenali sebagai Taufan Linfa yang kebiasaannya berlaku di Timur Filipina.

"Fenomena Taufan Linfa ini biasanya berlaku pada bulan Julai hingga Disember dan ia akan melanda Timur Filipina sebelum bergerak mengikut tekanan udara rendah di perairan Lautan Pasifik yang menghala ke pantai barat Sabah dan timur serta utara Semenanjung.

"Ribut ini akan terjadi dalam masa dua hingga tujuh hari sebelum ia hilang namun kami meramalkan fenomena angin kencang ini akan terus berlaku di Malaysia dalam masa dua atau tiga hari lagi," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Semalam, *Kosmo!* melaporkan beberapa kawasan di Labuan, Sabah; Terengganu, Kelantan dan Kedah telah dilanda ribut dan angin kencang sehingga mengakibatkan kemusnahan harta benda.

Menurut Dr. Hisham, rakyat Malaysia di beberapa kawasan di pantai barat Sabah, pantai timur dan utara Semenanjung tidak perlu risau dengan kejadian ribut tersebut kerana ia merupakan fenomena biasa.

"Kesan yang dialami di Malaysia tidak seburuk di Filipina namun kita masih perlu berjaga-jaga," katanya.

Ribut, ombak besar beberapa negeri berterusan sehingga Rabu

» Fenomena
berpunca
tiupan angin
kencang barat daya

Oleh Azrone Sarabatin, Izham Unnip Abdullah, Suzalina Halid, Firi Nizam, Nor Amalina Alias dan Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Ribut dan ombak besar dialami beberapa negeri di seluruh negara sejak kelmarin, berpunca daripada tiupan angin kencang barat daya, yang dijangka berterusan sehingga Rabu ini.

Jabatan Meteorologi menerusi kenyataannya berkata, angin kencang yang melanda mempunyai kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Kedua-dua angin kencang dan laut bergelora itu disifatkan berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai, menangkapi ikan serta perkhidmatan feri.

Di Ranau, Sabah, dentuman dari Gunung Kinabalu disusuli limpahan air sungai bercampur lumpur dan batu yang mengalir deras dari kawasan gunung serta bau tanah yang kuat sekali



Yaakob (tengah) bersama penduduk melihat kubah masjid seberat 2 tan hancur berkecai diterbangkan ribut di Bachok.

(FOTO NOR AMALINA ALIAS/BH)

lagi mengejutkan penduduk Kampung Mesilau, Kundasang sebelum mereka mengosongkan kediaman, awal pagi semalam.

Ini kali kedua penduduk kampung itu terpaksa berpindah ke pusat pemindahan atau rumah saudara di kampung berhampiran berikutan banjir lumpur

yang disebabkan runtuhnya tanah dan batu dari Gunung Kinabalu selepas gempa bumi utama dengan magnitud 5.9, pada 5 Jun lalu.

Air sungai naik mendadak

Anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Ikhwani Jaliman, 31, yang bertugas memantau paras air Sungai Mesilau Satu, berkata beliau bersama rakan se-

tugas bergegas menghubungi penduduk sebaik menyedari air sungai naik mendadak jam 3 pagi semalam, sebelum banjir lumpur melimpahi jalan berhampiran sungai.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tussin, berkata hujan lebat di Gunung Kinabalu dijangka berterusan hingga Rabu ini, terutama sebelah malam kesan daripada ribut tropika Linfa di Filipina yang menyebabkan ribut di Sabah.

Di Labuan, kira-kira 30 gerai di Bazar Ramadan Labuan Walk rosak dibadai angin kencang awal pagi semalam, selain merosakkan beberapa gerai di bazar terminal teksi dan bas Labuan Sentral Market dan Kampung Layang-Layan.

Di Bachok, Kelantan, kubah seberat dua tan pada bumbung Masjid Mukim Kubang Golok yang diperbuat daripada gentian kaca serta kerangka besi, tercabut sebelum diterbangkan sejauh kira-kira 30 meter dan terhempas di atas jalan raya dalam kejadian ribut, kira-kira jam 5.30 petang kelmarin.

Imam masjid itu, Yaakob Abdul Rahman, 67, berkata kejadian yang menyebabkan kerosakan bernilai RM100,000 itu berlaku sejurus beliau bersama jemaah meninggalkan masjid terbabit selepas selesai solat Asar.

Di Alor Setar, Kedah, persiapan meraikan ketibaan Aidilfitri bagi lebih 10 keluarga terjejas apabila rumah masing-masing rosak teruk apabila ribut membadai daerah Kota Setar di sini, tengah hari kelmarin.

Selain Kampung Tok Sibil yang paling teruk dilanda ribut, kejadian kira-kira jam 1.30 tengah hari itu turut menyebabkan beberapa rumah lain di Kampung Pekan Kubang Rotan dan Kampung Sematang Temengau dekat sini, terjejas.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kota Setar, Syahrul Nasir Mat Rais, berkata pihaknya meninjau tiga kampung terjejas itu bagi mendapatkan maklumat lanjut sebelum menghulur bantuan segera berbentuk sumbangan makanan, semalam.

Kerugian RM2 juta

Di Manjung, Perak, anggaran kerugian akibat ribut dan hujan lebat yang melanda Bazar Raya Mega Koperasi Peniaga Pasar Malam (PERSALAM) Seri Manjung awal pagi kelmarin dianggarkan mencecah RM2 juta.

Bagaimanapun, penganjur sudah memperuntukkan RM50,000 bagi menggantikan khemah peniaga yang rosak dan terjejas teruk akibat kejadian itu.


Ketua Pegawai Eksekutifnya, Adenan Bakar, berkata lebih 60 daripada 100 gerai yang ada di bazar berkenaan rosak dan musnah dalam kejadian pada jam 2.30 pagi itu.

Di Kuala Terengganu, jururawat, Siti Nur Zulaika Abdul Aziz, 23, cemas apabila kereta dinaiki bersama suaminya, Alimie Ishak, 26, dan bayi mereka, Ahmad Adam Mikail, tiga bulan, dihempap pokok ketika hendak beredat dari bazar Ramadan di Jalan Pantai Batu Burok, jam 6.30 petang kelmarin.



Mazuki Mansor, 31, melihat bumbung rumah ibunya rosak teruk dipukul ribut di Kampung Tok Sibil, Mukim Tajar, Kedah.

(FOTO DANIAL NOORDIN/BH)



Ketua Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Mesilau, Jakudin Gandipan (kanan) dan ahli sukarelawan, Haziri Gulon memeriksa paras air Sungai Mesilau Kiri beberapa jam selepas air naik mendadak sehingga enam kaki.

(FOTO EDMUND SAMUNTING/BH)

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 6 JULAI 2015 (ISNIN)

Ribut terbangkan bayi tempias Limfa

KUALA LUMPUR 5 Julai - Ribut yang melanda beberapa kawasan di Sabah, Perlis, Perak dan Kelantan semalam dengan kelajuan angin sehingga 60 kilometer sejam merupakan kesan yang dibawa oleh ribut tropika Limfa dari Filipina.

Menurut Pegawai Kanan Meteorologi, Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip, ribut yang merosakkan kediaman termasuk menyebabkan seorang bayi perempuan berusia 18 bulan diterbangkan sejauh 150 meter di Tuaran, Sabah itu masih belum reda.

Katanya, biarpun kelajuan angin daripada ribut tropika Limfa itu tidak sekuat yang melanda Filipina, tetapi masih mampu memberi kesan seperti kejadian semalam dan dijangka menghampiri lagi bahagian utara Sabah dan Semenanjung.

"Di Filipina kelajuan ribut itu lebih 100 kilometer sejam, tetapi apabila melalui negara kita kekuatannya sedikit lemah iaitu antara 50 dan 60 kilometer sejam.

"Walaupun ribut itu sedang bergerak ke arah utara Filipina, tetapi pembentukan angin yang

bermula di kawasan barat Lautan Pasifik masih terbentuk. Tidak mustahil akan melanda lagi di negara kita," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sewaktu mengulas ribut yang melanda beberapa tempat terutama di Kota Kinabalu, Kota Belud, Kudat dan Marudu di Sabah serta Perak, Perlis dan Kelantan semalam menyebabkan lapan buah sekolah, 44 rumah dan 100 gerai rosak.

Menurutnya, Jabatan Meteorologi meramalkan fenomena pergerakan ribut tropika Limfa dijangka reda dalam tempoh tiga hingga tujuh hari lagi selepas bergerak melepasi Filipina dan menuju ke utara negara itu.


"Kelajuan angin ribut itu belum di tahap kritikal dalam laluanannya di negara ini. Setakat ini Labuan di Sabah mencatat kelajuan angin paling tinggi iaitu 60 kilometer sejam.

"Apa pun Jabatan Meteorologi akan terus memantau pergerakan Limfa kerana dijangka boleh bergerak sehingga September ini. Dalam tempoh itu ribut boleh berlaku di sini kesan daripada ribut tropika Limfa," ujarnya.

Beefing up R&D to benefit the B40

MOVING FORWARD:

Innovation via SME investments will help the bottom 40 per cent improve their lot under the 11MP



DR AHMAD
IBRAHIM

THE 11th Malaysia Plan (11MP) is now being debated in Parliament. Policymakers will deliberate on the details. This is a make or break plan for the nation as we pursue developed nation status by 2020.

The rakyat hope for more objectivity in the debate. The 11MP is

for all Malaysians. Good ideas must not be opposed for political sake. If policy makers can demonstrate more objectivity, then we are truly on the way to become a development nation.

The government has put forward a comprehensive plan. Based on the feedback, 11MP has covered all the important issues.

The key message is we need new growth areas to drive the economy into higher value. The green economy has been singled out as a major driver.

Of course, this cannot happen without the strength in innovation. Innovation has been acknowledged worldwide as the instrument to increase competitiveness in the green industry but also push up productivity.

This is crucial for the nation's small and medium enterprises (SMEs) where the culture of innovation is still comparatively low. This fact is also true for Asean SMEs as highlighted in the recent Asean SME Conference and Showcase held in Kuala Lumpur.

SME investment in R&D is an important prerequisite of innovation success. It is, therefore, heart-

ening that the 11MP has made special mention of the need to consolidate the nation's management of R&D under the soon-to-be formed Research Management Agency.

One group which came up for special mention in the 11MP is the bottom 40 per cent of the country's population, the B40 group. The improved wellbeing of the B40 is critical to truly realise the aspirations of inclusivity and sustainability. They are the people who should migrate to the middle class. This is because growing the middle class is the key strategy to become a developed nation.

At the Academy of Sciences Malaysia we have also taken the initiative to support the government to empower the B40 group. Come Aug 5, the academy is hosting a global forum of R&D leaders to chart new ideas for future research to cater to the technological needs of the B40.

These can be technologies to have access to affordable energy and water. They can also be technologies to make available affordable food and nutrition. Not to mention medicine.

Appropriately themed "Injecting Soul Into R&D", the forum promises to harness the wisdom of top R&D leaders from around the world. They will offer their thinking on the appropriate research we need to invest in.

For a long time, much of the R&D we invest in has been too much skewed towards commercial interests alone. It is time to balance this. It is time to devote some R&D to solving the problems and bring benefits to the B40.

Research can also include disaster risk reduction technologies. As shown in recent years, the nation has to increasingly cope with such calamities in many forms including floods, landslides and even earthquakes!

Kuching has been selected to be the venue for this inaugural forum. Rightly so because both Sabah and Sarawak are still home to a major proportion of the nation's B40. Both states though are still largely untapped in terms of opportunities. Only recently the academy hosted another international discourse on smart village also in Kuching. Both Sabah and Sarawak offer tremendous economic poten-

tial. The government's decision to build the Pan Borneo Highway will no doubt be the catalyst to further unearth that potential, like what the PLUS highway has done to the economy of the peninsula.

The academy's Global R&D Leaders Forum scheduled for Aug 5 and 6 has already attracted prominent speakers and illustrious personalities from around the world. The expected participants to the event may exceed 300.

They would comprise academics and those from industry, non-governmental organisations and government. This is the long awaited forum where those who are passionate about bringing change to the nation's R&D investment can come and share their thoughts.

There is no denying that investing in R&D to support the wellbeing of the B40 will go a long way in moving the nation forward. It is a recipe to be truly a developed nation.

ahmad.ibrahim@
akademisains.gov.my

The writer is a fellow at the Academy of Sciences Malaysia